

Pasangan suami isteri ditahan cederakan anak angkat perempuan usia empat tahun

Didera kerana tak suka makan nasi

Oleh NOR AZIAH MAT NOH

KAJANG – Hanya kerana tidak suka makan nasi, seorang budak perempuan berusia empat tahun diperlakukan kejam oleh keluarga angkatnya apabila dipukul dengan menggunakan batang penyapu dan penyangkut baju.

Dalam kejadian pada 18 Julai lalu itu, mangsa dikatakan termuntah selepas dipaksa memakan nasi oleh ibu angkatnya.

Selain didera dengan menggunakan dua objek tersebut, mangsa turut dipercayai pernah dicucuh dengan pemetik api.

Penderitaan mangsa bagaimanapun berakhir selepas polis memberkas sepasang suami isteri yang juga ibu dan bapa angkatnya di Semenyih di sini awal pagi semalam.

Difahamkan, polis menerima laporan berhubung kejadian itu pada pukul 12.14 tengah malam selepas perbuatan suspek tular dalam media sosial.

Ketua Polis Daerah Kajang, Asisten Komisioner Mohd. Zaid Hassan berkata, bertindak atas maklumat, pihaknya me-



TANGKAP layar rakaman video tular memaparkan mangsa dipukul dengan batang penyapu.

nyelamatkan mangsa pada pukul 2.30 pagi.

“Polis turut memberkas sepasang suami isteri masing-masing warga tempatan dan Singapura berusia 28 dan 30 tahun.

“Siasatan awal mendapati kejadian (tular) itu berlaku kerana mangsa tidak suka makan nasi sebelum dipaksa telan makanan tersebut oleh suspek sehingga termuntah,” katanya dalam ke-



KECEDERAAN pada betis mangsa yang berusia empat tahun.

nyataan di sini semalam.

Kanak-kanak itu kemudian dibawa ke Hospital Kajang di sini bagi mendapatkan rawatan akibat kecederaan di beberapa bahagian badannya.

“Mangsa merupakan anak warga Indonesia dan tidak mempunyai sebarang dokumen pengenalan diri.

“Kanak-kanak itu diserahkan kepada suspek untuk dijaga pada April lalu kerana ibu kandungnya sudah tidak mampu lagi menjaganya,” kata beliau.

Pasangan suami isteri itu direman selama tujuh hari sehingga 28 Julai ini bagi membantu siasatan di bawah Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001.

Terdahulu, tular satu rakaman video memaparkan seorang wanita memukul kanak-kanak dengan batang penyapu dan penyangkut baju ketika mangsa sedang makan.

Insiden itu mendapat kecaman dengan rata-rata pengguna media sosial mendesak pihak berkuasa mengambil tindakan segera terhadap individu terlibat.

Orang ramai yang mempunyai maklumat berhubung kejadian diminta menghubungi mana-maan balai polis berdekatan atau Pegawai Penyiasat, Inspektor Suresh Krishnan di talian **017-433 3795**.